

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT**

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 10 MEI 2006, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 4

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1131-L330
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah yang dimaksudkan dengan memperkasakan Bahasa Malaysia dan apakah langkah-langkah penting yang telah diambil ke arah itu.
2. PN-1131-L587
Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan jumlah bilangan belia India yang memasuki pasukan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) pada tahun 2005 dan 2006.
3. PN-1131-L225
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan adakah patut diadakan satu peraturan baru tentang kod etika berpakaian ke pusat-pusat membeli belah memandangkan pengunjung bebas berpakaian menjolok mata seperti perempuan berseluar pendek, memakai singlet, mendedahkan sebahagian tubuh dan berselipar Jepun. Sejauh manakah kejayaan kempen 'Budi Bahasa Budaya Kita' dan tidakkah Kementerian bercadang pula untuk mengadakan kempen 'Berpakaian Kemas Amalan Kita'.
4. PN-1131-L767
Tuan Chiu Tiang Chai minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil bagi memastikan sistem pengurusan air negara dapat diperbaiki lagi selaras dengan hasrat Kerajaan untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada orang ramai di negara ini.

5. PN-1131-L648
Dato' Omar bin Faudzar minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan melalui dana HRDF (Human Resource Development Fund):-
 - (a) berapa peratuskah pekerja bumiputera yang diberi peluang menjalani kursus-kursus kemahiran; dan
 - (b) melalui dana tersebut, berapakah bilangan konsultan bumiputera yang diberi peluang mengendalikan program-program kemahiran tersebut.
6. PN-1131-L371
Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Malaysia boleh mempertahankan kedudukannya sebagai "Islamic Financial Hub" di rantau ini memandangkan bahawa Singapura juga sedang giat menjalankan usaha-usaha untuk menarik pelabur-pelabur dari Asia Barat.
7. PN-1131-L391
Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pihak yang bertanggungjawab ke atas JAKIM supaya pendakwah JAKIM di kawasan Orang Asli Khususnya di kawasan pedalaman disediakan dengan kenderaan yang sesuai seperti motosikal Motocross atau kenderaan Pacuan Empat Roda semasa menjalankan tugas.
8. PN-1131-L439
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan impak peningkatan kadar pertukaran Ringgit Malaysia dengan Dollar US baru-baru ini kepada rakyat Malaysia, apakah industri yang dapat manfaat dan apakah industri yang mengalami kerugian. Apakah polisi dan hasrat Kerajaan terhadap kadar pertukaran asing ke atas Ringgit Malaysia dalam tempoh RMK-9.
9. PN-1131-L568
Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sama ada Program Kelas Intervensi dan Amalan Membaca dan Menulis (KIA2M) yang diperkenalkan itu benar-benar dapat menjamin kanak-kanak Tahun 1 agar tidak menghadapi masalah dalam membaca dan menulis atau ianya tetap bergantung kepada kemantapan gurunya dengan idea kreatif dan inovatif.

10. PN-1131-L201
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan :-
- (a) jumlah perbelanjaan pengiklanan di dalam dan di luar negara untuk menggalakkan pelancongan bagi tahun 2003, 2004 dan 2005; dan
 - (b) apakah strategi dan jenis pengiklanan yang digunakan bagi pasaran luar negara dan sehingga hari ini adakah strategi-strategi tersebut mendatangkan hasil.
11. PN-1131-L266
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah silibus yang akan diajar dalam mata pelajaran seks di sekolah-sekolah kebangsaan. Apakah jaminan Kerajaan supaya matlamat pengajaran mata pelajaran tersebut akan tercapai dan nyatakan persiapan dari segi kemudahan peralatan dan tenaga pengajar.
12. PN-1131-L365
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah jenis operasi keselamatan "Rescue Operation" yang telah dirancang untuk orang awam setelah pemasangan Sistem Amaran Tsunami baru-baru ini.
13. PN-1131-L481
Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato N.S Maniam minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan pelajar yang telah mendapat biasiswa JPA untuk melanjutkan pelajaran di IPT luar negara mengikut kaum dari tahun 2000 hingga 2005.
14. PN-1131-L541
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah langkah jangka panjang Kementerian dalam menangani permintaan komoditi yang sering berubah-ubah seperti getah dan kelapa sawit. Mengapakah kedudukan Malaysia sebagai pengeluar utama getah dunia telah jatuh daripada nombor satu dan nyatakan kedudukan Malaysia pada masa ini.
15. PN-1131-L128
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada sudah tiba masanya untuk memisahkan Kementerian Belia dan Sukan kepada dua Kementerian yang berasingan agar satu Kementerian (Kementerian Sukan) dapat memberi fokus khusus kepada pembangunan sukan negara manakala satu lagi Kementerian (Kementerian Belia) dapat menumpukan usaha memperkasakan belia selaku pelapis negara.

16. PN-1131-L307
Puan Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah syarat kelayakan bagi pesakit untuk memohon Tabung Bantuan Perubatan bagi tahun 2006, berapakah jumlah permohonan yang telah diterima dan berapa banyak pula yang telah diluluskan.
17. PN-1131-L417
Tuan Tay Puay Chuan minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memperkenalkan Akta Makanan Ternakan untuk memastikan kualiti makanan ternakan terjamin.
18. PN-1131-L172
Tuan Tan Bon You minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan mengapa proses permohonan Kad Pengenalan Biru di bawah Perkara 13 mengambil masa yang begitu lama.
19. PN-1131-L584
Datuk Ratnam a/l Muthiah minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bahawa terdapat ramai petani di negara kita yang terlibat di dalam industri ternakan ikan air tawar secara kecil-kecilan dan sederhana, bolehkah Kementerian mewujudkan satu badan khas yang dapat membeli ikan dari penternak-penternak ini untuk diproses cara FILLET bagi dieksport ke negara luar.
20. PN-1131-L704
Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berapakah kos ataupun perbelanjaan yang digunakan Kementerian untuk menghantar atlet-atlet dan pegawai-pegawai (Kontijen Malaysia) ke Temasya Sukan Komanwel Australia dan Manchester di United Kingdom dan berapakah kos yang telah dibelanjakan ketika Malaysia menjadi tuan rumah bagi temasya tersebut pada tahun 1998 yang lalu.
21. PN-1131-L470
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah dan prosedur Kementerian bagi memastikan bakal-bakal doktor daripada Institusi Pengajian Tinggi Swasta mempunyai standard yang sama seperti bakal-bakal doktor daripada Institusi Pengajian Tinggi Awam.
22. PN-1131-L618
Dato' Rhina Bhar minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan berapakah jumlah pelancong luar yang telah mengambil bahagian dalam program "Malaysia My Second Home" dan adakah Kerajaan mengkaji untuk "aggressively promote" program ini dan berapakah peruntukan yang disediakan untuk mempromosikan program ini.

23. PN-1131-L786
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dalam menentukan kejayaan pelaksanaan RMK-9, apakah tanda aras (benchmark) yang akan diguna pakai oleh Kerajaan untuk memastikan sama ada RMK-9 benar-benar mencapai objektifnya.
24. PN-1131-L674
Datuk Haji Roslan bin Awang Chik minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan Kerajaan telah menggariskan beberapa langkah bagi mengukuhkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) dalam RMK-9 termasuk menggarap pembabitan bersepadu agensi Kerajaan dan syarikat berkaitan Kerajaan (GLC's). Berapakah jumlah usahawan-usahawan yang telah mendapat manfaat daripada syarikat GLC's dan apakah usaha-usaha yang diambil untuk memastikan matlamat ini tercapai.
25. PN-1131-L756
Datuk Dr. Lee Chong Meng minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah pihak Kementerian tidak bercadang untuk mengkaji semula Akta Wilayah Persekutuan 1974 yang diguna pakai sekarang selepas jawatan Menteri Wilayah Persekutuan diwujudkan semula.
26. PN-1131-L241
Che Puan Sri Kelana D'raja Datin Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sejauh manakah jumlah keciciran pelajar di sekolah rendah dan menengah di negeri Kelantan pada tahun 2004 dan 2005. Apakah langkah-langkah bagi mengatasi masalah itu.
27. PN-1131-L647
Dato' Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) bagi menyelaraskan saluran bantuan kepada anggota-anggota bekas tentera supaya tidak menjejaskan atau mengeneipkan peranan Persatuan Bekas Tentera Malaysia (PBTM) yang telah bertanggungjawab terhadap perihal kebajikan bekas anggota tentera sejak sekian lama.
28. PN-1131-L723
Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan setakat mana dasar pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris dapat memenuhi objektif:-
- (a) meningkatkan keupayaan pelajar-pelajar dalam bahasa tersebut dan kebolehan pelajar dalam dua mata pelajaran tersebut; dan
 - (b) adakah setakat ini statistik menunjukkan satu trend peningkatan yang bermakna.

29. PN-1131-L520
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bilangan kampung yang masih belum menerima kemudahan elektrik dan air bersih (dirawat) mengikut pecahan negeri-negeri.
30. PN-1131-L290
Puan Siw Chun a/p Eam minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan bilangan tangkapan bagi penjenayah warganegara Malaysia yang masih dikurung atau ditahan di penjara atau kem-kem tahanan di luar negara. Nyatakan nama negara yang menahan mereka dan jenis kesalahan yang dilakukan.
31. PN-1131-L152
Datuk Dr. Jins bin Shamsudin minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan tidakkah Kementerian bercadang untuk mengenakan peraturan lalu lintas kepada kenderaan berat untuk tidak menggunakan jalan MRR2 pada satu waktu tertentu (waktu pejabat) untuk mengelakkan kesesakan.
32. PN-1131-L204
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan mengapakah RELA harus diberi kuasa menangkap Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI). Adakah Kerajaan sedar bahawa terdapat penyalahgunaan kuasa oleh RELA.
33. PN-1131-L397
Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan persaingan dalam menyertai tender Perkhidmatan Kawalan Keselamatan yang berlaku sekarang menjurus kepada perkhidmatan yang bermutu. Apakah Kerajaan sedar perkara ini dan apakah langkah untuk mengatasinya.
34. PN-1131-L351
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah kerjasama yang telah diberikan kepada Kerajaan negeri Sarawak bagi membantu usaha mengatasi penyakit tangan, kaki dan mulut (HFM) yang amat membimbangkan di Sarawak.
35. PN-113-L593
Datuk Ratnam a/l Muthiah minta **MENTERI EKWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan boleh memberikan pertimbangan untuk memberi 5% dari jumlah kerja kontrak Kerajaan untuk kontraktor-kontraktor kelas F bumiputera kepada bukan bumiputera yang juga mengalami kesulitan untuk mendapat kerja-kerja kontrak dari pihak swasta.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** akan mencadangkan:-

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Kesebelas.”

2. **YAB. Perdana Menteri** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini,

menyedari akan pertumbuhan ekonomi serta pencapaian sosioekonomi yang baik semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelapan di sebalik persekitaran global yang begitu mencabar;

merestui usaha Kerajaan untuk melaksanakan Misi Nasional sebagai rangka dasar dan pelaksanaan pembangunan yang terdiri daripada lima teras utama bagi mencapai matlamat Wawasan 2020;

meluluskan Rancangan Malaysia Kesembilan yang merangkumi strategi, program dan peruntukan yang diperlukan bagi tujuan untuk merealisasikan Misi Nasional dan menjadikan Malaysia sebuah Negara yang lebih maju, saksama dan bersatu padu seperti dibentang dalam Kertas Perintah CMD. 1 Tahun 2006;

bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kesembilan, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya berusaha dengan keazaman dan iltizam yang teguh untuk membangunkan Negara bersama-sama Kerajaan ke arah menjadi Negara yang makmur, progresif, adil, berdaya tahan dan berdaya saing.”

3. (D.R. 7/2005) Rang Undang-undang Perbekalan **Bacaan**
Tambahan (2005) 2006. **Kali Yang**
Kedua